**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**
**TARIKH: 15 JANUARI 2017 (AHAD)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|---|---|---|
| 1 | RM 100M Fund for Biotech Companies | New Sunday Times |
| 2 | Belia wanita perlu bantu jayakan pelan TN50 | Berita Harian |
| 3 | Ladang gaharu Batu Pahat | Mingguan Malaysia |

**KERATAN AKHBAR**
**NEW SUNDAY TIMES (NATION NEWS) : MUKA SURAT 17**
**TARIKH: 15 JANUARI 2017 (AHAD)**




*Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau (centre) and his deputy, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah (second from left), at the launch of the Biotechnology Commercialisation Fund 2.0 at the Putra World Trade Centre yesterday. With them are Bioeconomy Corporation chairman Professor Tan Sri Zakri Abdul Hamid (second from right).* PIC BY SADDAM YUSOFF

FINANCE CARNIVAL

# RM100M FUND FOR BIOTECH COMPANIES

## It will help 30 to 50 firms by the end of 2020, says minister

VEENA BABULAL
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

A RM100 MILLION fund for biotechnology companies to take their businesses global has been launched at Bank Negara Malaysia's (BNM) Karnival Kewangan here yesterday.

The government fund, dubbed the Biotechnology Commercialisation Fund (BCF) 2.0, was launched by Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.

He said the funds, which would be given as soft loans, were projected to assist 30 to 50 companies by the end of 2020.

"The government has taken into consideration that bio-based companies require a longer gestation period. As such, BCF shall be offered at a rate of up to 5 per cent interest, and up to 18 months' grace period on repayment to ease the burden of repayment by companies."

The disbursement of the funds was in its second phase under the 11th Malaysia Plan, which intended to take home-grown bio-based companies to the world stage.

Madius said the fund's first phase was rolled out under the Ninth and 10th Malaysia Plan to provide seed capital for bio-based companies to establish their business and market the products.

He said 20 of the 278 bionexus status companies were also being groomed to take their businesses to international markets.

Companies would be selected by the Malaysian Bioeconomy Development Corporation and the funds would be disbursed by the Malaysian Industrial Development Finance.

Its chairman, Professor Tan Sri Zakri Abdul Hamid, said that BCF was offered through two schemes to accommodate the diverse needs of bio-based companies.

Meanwhile, BNM has called on banks to embark on social media campaigns to educate the public on Islamic Financing and Takaful.

Its Islamic Banking and Takaful Department director, Mohd Zabidi Mohd Nor, said this was because the public still found it difficult to grasp Islamic financial concepts communicated to them by bank officers.

"The officers are usually experts who understand the product and jargon, but they find it difficult to explain the schemes, concepts and contractual terms in laymen's terms," he said here yesterday.

He said customers who were interested in the products usually turn away when officers were unable to answer their questions, especially on contractual clauses.

**KERATAN AKHBAR**
**BERITA HARIAN (KARNIVAL KEWANGAN) : MUKA SURAT 16**
**TARIKH: 15 JANUARI 2017 (AHAD)**

# Belia wanita perlu bantu jayakan pelan TN50

[FOTO EIZAIRI SHAMSUDIN/BH]



**Abdul Rahman bersama peserta program** *'Fearless The Pocket Series', di Kuala Lumpur, semalam.*

**Kuala Lumpur:** Belia wanita perlu berani menggiatkan usaha dengan memperbanyakkan program percambahan dan wacana ilmu bagi menjayakan pelan pembentukan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata usaha itu boleh dijadikan medan berkesan bagi menyuarakan pandangan berhubung hala tuju Malaysia dalam tempoh 30 tahun akan datang.

"Ia juga bertepatan dengan hasrat kerajaan yang mahu hala tuju negara kita ditentukan oleh generasi muda sekarang kerana mereka yang akan memimpin negara pada masa depan," katanya pada sidang media selepas menutup program 'Fearless The Pocket Series', semalam.

Abdul Rahman berkata, beliau menyokong penuh program berkenaan dan berharap ia tidak hanya dianjurkan di satu tempat dan secara bermusim.

Sementara itu, Perbadanan Pembangunan Bioekonomi Malaysia (Perbadanan Bioekonomi) semalam melancarkan Dana Pengkomersilan Bioteknologi 2.0 (BCF) berjumlah RM100 juta bagi membantu merancakkan pertumbuhan industri bio di negara ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau, berkata pinjaman mudah itu bertujuan membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta syarikat sedia ada berasaskan bio, menawarkan kadar faedah serendah lima peratus dan 18 bulan tempoh penangguhan pembayaran balik.

Pengerusi Perbadanan Bioekonomi, Tan Sri Zakri Abdul Hamid, berkata BCF memiliki dua skim, iaitu Skim Perniagaan Rezeki menawarkan modal kerja bermula daripada RM600,000 dan lebih RM3 juta bagi Skim Pembangunan Bioekonomi.

"Skim berkenaan mampu menyumbang kepada kemampanan jangka panjang dalam perniagaan bagi syarikat berteraskan bio. Ia sekali gus mewujudkan landskap industri bioekonomi yang berjaya dan kompetitif di negara ini," katanya.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bioekonomi, Syed Agil Syed Hashim, berkata permohonan BCF terbuka kepada syarikat berstatus BioNexus termasuk yang terbabit dalam Program Transformasi Bioekonomi (BTP) dan Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi (BCDP).

